


Lawatan Dr M kecoh

Mahathir pedih mata dua kumpulan penyokong berebut



KECOH SEKETIKA: Dr Mahathir dipapah keluar dari kereta pacuan empat roda yang dinaikinya selepas terkena semburan bahan pemedih mata ketika tiba di pintu masuk VIP di Lapangan Terbang Sultan Ismail di Pengkalan Chepa, semalam.

Oleh Ismail Mat, Mohd Aziz Ngah, Wan Faizal Ismayatim dan Rokaid Chik

KOTA BHARU: Perebutan dua kumpulan penyokong Tun Dr Mahathir Mohamad untuk membawanya menaiki kenderaan mereka menyebabkan bekas Perdana Menteri itu terkena semburan sejenis bahan pemedih mata setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini untuk lawatan sehari ke Kelantan, semalam.

“Kejadian berlaku ketika tarik menarik antara dua kumpulan yang ingin membawa Dr Mahathir”

Musa Hassan
Timbalan Ketua Polis Negara

Walaupun Dr Mahathir tidak cedera kecuali terbatuk-batuk dan matanya sedikit merah, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang amat kesal dan marah atas kejadian itu mengarahkan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, menyasat segera serta mengambil tindakan keras terhadap pihak yang melakukannya.

Perdana Menteri, ketika dihubungi Bernama mengenai kejadian itu berkata, perkara itu mesti ditangani segera bagi mengelak ia menimbulkan

kesan buruk dan pelbagai andaian negatif di kalangan orang ramai apabila pihak tertentu mengambil kesempatan menyebarkan khabar angin, terutama melalui internet.

Dr Mahathir tiba kira-kira 11 pagi untuk menghadiri program anjuran Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) dan Alumni Bekas Ahli Parlimen dan Adun Barisan Nasional (BN) Kelantan.

LIHAT MUKA 6

Pertengkaran dua kumpulan

DARI MUKA 1

Ketika itu, kira-kira 1,000 orang berkumpul bagi menyambut ketibaannya, diketuai oleh Presiden MTRK, Datuk Ibrahim Ali serta Pengerusi Jawatankuasa Penaja Alumni Bekas Ahli Parlimen dan Adun Barisan Nasional (BN) Kelantan, Tan Sri Abdullah Ahmad.

Musa dalam kenyataannya berkata, kejadian itu berlaku ketika tarik menarik antara dua kumpulan yang ingin membawa Dr Mahathir ke kereta masing-masing ke hotel penginapannya.

Katanya, ketibaan Dr Mahathir di lapangan terbang itu disambut Ibrahim dan Datuk Nik Sapeia Nik Yusoff yang menganjurkan dua majlis khas untuk bekas Perdana Menteri itu.

“Ketika mereka membawa Dr Mahathir masuk ke kereta, timbul pertengkaran di antara dua kumpulan itu untuk membawa Dr Mahathir masuk ke kereta Ibrahim. Ketika itu, tarik menarik berlaku kerana kumpulan Nik Sapeia ingin membawa Dr Mahathir ke dalam keretanya.

“Pada masa itu, seorang lelaki menyembur ‘cannister’ pemedih mata ke muka Ibrahim dan terkena sedikit ke muka Dr Mahathir serta pegawai pengiring beliau,” katanya.

Musa berkata, polis sudah mengenal pasti lelaki terbabit dan mengarahkan tangkapan dilakukan segera. Kes itu disiasat mengikut Seksyen 328 Kanun Keseksaan.

Beliau menafikan dakwaan disebarkan me-

nerusi internet kononnya perbuatan itu dilakukan orang berjaket hitam dipercayai dari Pasukan Gerakan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Kenyataan ini adalah satu perbuatan fitnah untuk memburuk-burukkan pasukan polis dan kerajaan,” katanya sambil menegaskan pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa saja yang menyebarkan berita palsu melalui internet dan media.

Dr Mahathir, pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan veteran Umno di hotel penginapannya, berkata sebaik terhidu gas yang dilepaskan, beliau terasa pedih mata, tekak dan hidung.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Zulkifli Abdullah, ketika dihubungi malam tadi berkata, pihaknya belum membuat sebarang tangkapan.

“Kami masih merakamkan percakapan ramai saksi berhubung kejadian itu untuk membantu siasatan. Usaha merakamkan keterangan dijangka berterusan sepanjang malam ini hingga esok,” katanya.

Sementara itu, polis menahan seorang ahli perniagaan malam tadi bagi membantu siasatan berhubung kejadian itu.

Lelaki itu ditahan di rumahnya kira-kira jam 10 malam tadi. Difahamkan, tangkapan itu dibuat selepas polis mengambil keterangan beberapa saksi berada di tempat kejadian dan meneliti rakaman video ketibaan Dr Mahathir.